

**TEKS UCAPAN ALUAN**

**YANG BERBAHAGIA PROFESOR DATUK DR. ROZIAH JANOR  
NAIB CANSOLOR UiTM**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENGAGIHAN PERANTISISWA  
DAN  
PERASMIAN MYDIGITAL KKD**

**5 MAC 2023 | AHAD | 9.00 PAGI**

**ANJUNG SERI BUDIMAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM**

Terima kasih Saudara/ Saudari Pengerusi Majlis.

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**Yang Berhormat Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil**

Menteri Kementerian Komunikasi dan Digital

Yang Berbahagia Pegawai-pegawai dari Kementerian Komunikasi dan Digital serta Telekom Malaysia Bhd. (TM)

Pengurusan Tertinggi UiTM

Para Pensyarah, Para Pelajar dan Rakan-rakan Media serta hadirin yang dihormati sekalian.

[SALUTASI- kemaskini berdasarkan kehadiran]

## **Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul bersama-sama pada hari ini dalam **MAJLIS PENGAGIHAN PERANTISISWA** dan **PERASMIAN MYDIGITAL K.K.D.**

2. Saya berbesar hati mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kita pada hari ini.

3. UiTM amat berbangga kerana sekali lagi diberi peluang untuk menjadi tuan rumah bagi majlis penutup pengagihan PerantiSiswa pada hari. Untuk makluman, UiTM pernah diberi tanggungjawab sebagai tuan rumah bagi majlis pembukaan pengagihan PerantiSiswa pada 3 September 2022 yang lalu. Saya bersyukur dengan sinergi yang wujud antara Kementerian Pendidikan Tinggi dan UiTM. Terima kasih.

4. Saya dimaklumkan, seramai 457 pelajar yang terlibat dengan pengagihan peranti siswa pada hari ini. Ia ini merupakan inisiatif daripada Kementerian Komunikasi dan Digital (K.K.D) dengan kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia dan K.P.T.

5. Inilah keprihatinan kerajaan dalam membantu mahasiswa kategori B40 khususnya, mengikuti pembelajaran dengan lebih kondusif secara bersemuka mahupun dalam talian.

**Hadirin sekalian,**

6. Kemajuan teknologi memberikan impak positif kepada sistem pendidikan dalam mempertingkatkan kualiti pembelajaran. Tambahan pula, peralihan fasa endemik yang telah menyumbang kepada penggunaan teknologi dalam medium pembelajaran alaf baharu dilihat mampu membantu melonjakkan prestasi dan celik teknologi dalam kalangan mahasiswa.

7. Justeru, telah menjadi satu keperluan untuk setiap mahasiswa mempunyai sebuah peranti bagi memudahkan mereka mengikuti pembelajaran dengan lebih berkesan.

8. Saya yakin, rata-rata pelajar yang telah terlebih dahulu menerima peranti siswa bersetuju bahawa bantuan ini banyak membantu mereka dari aspek capaian maklumat, pengambilan nota yang lebih efisien, di samping lebih mudah dan ringan untuk dibawa ke kelas.

9. Semoga para pelajar yang telah terpilih dapat memanfaatkan peranti yang diterima untuk keperluan pembelajaran, seterusnya meningkatkan motivasi akademik sepanjang pengajian mereka.

10. Akhir kata, saya merakamkan penghargaan tahniah dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

**Sekian.**

**Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalam Mualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**